

Walaupun dasar berlembut dalam pentadbiran diteruskan

Jangan uji saya - PM

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI
dan FAUZIJAAFAR

KUALALUMPUR 13 Nov. - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau akan meneruskan dasar berlembut dalam pentadbirannya tetapi pada masa yang sama mengingatkan supaya jangan ada pihak cuba menguji pendiriannya itu.

Perdana Menteri berkata, walaupun ada pihak mengkritik cara beliau mengendali parti dan kerajaan, sikap secara berhemah itu tidak harus dianggap sebagai satu kelemahan.

"Memang sukar untuk bersikap baik dan sabar, tapi janganlah hendak menguji saya pula nanti," katanya semasa bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan amanat hampir dua jam kepada lebih 2,000 perwakilan UMNO sempena Perhimpunan Agung UMNO 2006 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

• Lagi laporan, gambar Perhimpunan Agung UMNO di muka 2-5, 12

Pada majlis Taklimat Presiden yang diadakan secara tertutup itu, Perdana Menteri turut menyentuh pelbagai perkara termasuk soal ekonomi, politik dan isu-isu semasa, terutamanya mengenai pelaksanaan projek-projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Menurut Abdullah, beliau lebih suka mengekalkan sikap berlembut dalam mentadbir kerajaan dan parti, tetapi pada masa yang sama beliau juga ada pendirian tertentu dalam menilai sesuatu.

Bagaimanapun, katanya, dalam banyak hal apabila ada keperluan, beliau akan mengambil pendirian dan keputusan yang lebih

• Lihat muka 3

Jangan uji saya - PM

tegas dalam menangani soal politik, polisi atau ekonomi,

"Ini hanya satu kelainan dalam cara dan corak menjayakan kepimpinan, tetapi ia tidak boleh dilihat sebagai kelemahan," katanya.

Abdullah juga berkata, pada masa yang sama beliau mahu mengekalkan dasar terbuka dan telus terutama membenarkan pemimpin-pemimpin parti memberi pandangan tanpa rasa takut.

"Kalau kita ambil contoh, wakil UMNO dalam Parlimen sekarang sudah mampu mengeluarkan pandangan mereka dengan jelas tanpa rasa takut."

Presiden UMNO itu juga mengingatkan ahli dan pemimpin parti itu supaya terus menjaga kepentingan parti bagi memastikan ia terus kuat, teguh dan sentiasa mendekati rakyat.

Schubungan itu, katanya, ahli dan pemimpin UMNO, perlu berhati-hati dalam memperjuangkan sesuatu isu dengan mengambil kira sensitiviti pihak-pihak lain.

Menurutnya, ahli dan pemimpin UMNO perlu sedar bahawa UMNO diberi kepercayaan secara sukarela oleh parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) untuk mengetuai muafakat itu.